

KELOMPOK (Part 8)

Rahimei Mohd Iqbal B. Abdul Malik, Rustam Bin Hashim & Syed Syamsul Faizal Bin Syed Zakariya

Pengaruh Orang Lain Terhadap Prestasi.

Kehadiran orang lain memberi kesan kepada kita sama ada prestasi semakin baik atau tidak.

Kesan kehadiran ini melibatkan tiga pekara iaitu :

1) Jumlah usaha yang dicurahkan.

Pengaruh orang lain bergantung kepada bilangan, kedekatan dan status yang terlibat. Semakin banyak bilangan khalayak, semakin meningkat pengaruh mereka. Walau bagaimanapun dengan meningkatnya bilangan penonton, pengaruh keakuran cenderung menurun. Dari segi kedekatan pula, semakin dekat penonton maka semakin tinggilah pengaruh mereka terhadap prestasi.

Allport (1924) dalam Bringham (1991) menghuraikan bahawa meningkatnya prestasi apabila adanya kehadiran orang lain adalah disebabkan oleh 2 faktor iaitu:

➤ Persaingan.

- merujuk kepada meningkatnya motivasi dan usaha untuk melakukan sesuatu tugas disebabkan oleh persaingan.

➤ Pemudahan sosial.

- ialah stimulus dengan melihat atau mendengar pergerakan yang sama daripada orang lain.

Kalua dilihat dalam realiti sebenar, pencapaian kelompok adalah lebih tinggi daripada pencapaian individu. Walau bagaimanapun kadang kala ahli dalam kelompok kurang memperlihatkan usaha jika dibandingkan secara persendirian. Keadaan ini dikenali sebagai kesan bermalas-malas sosial (Social Loafing).

2) Meningkatkan Kebangkitan.

Kehadiran orang lain akan meningkatkan dorongan untuk melakukan sesuatu tugas dengan mudah. Jika tingkah laku bersesuaian dalam sesuatu situasi, prestasi akan meningkat. Sebaliknya jika seseorang cuba untuk melakukan gerak balas yang kompleks yang tidak dipelajari sepenuhnya, prestasi akan menjadi buruk. Faktor yang menentukan sama ada

pemudahan sosial atau halangan sosial berlaku bergantung kepada kesukaran tugas dan bagaimana gerak balas itu dipelajari.

Individu bersemangat untuk melakukan kerja apabila prestasi mereka dinilai oleh orang lain. Individu yang melakukan tugas dihadapan penonton yang tinggi statusnya berkecenderungan menjadi gementar berbanding dengan mereka melakukan tugas di hadapan penonton yang statusnya lebih rendah. Kesan pemudahan sosial berlaku dalam banyak situasi.

Jika individu merasa ada orang lain memerhatikannya sewaktu melakukan sesuatu tugas, ada gerak balas yang kemungkinan timbul, iaitu reaksi untuk menumpukan perhatian kepada tugas yang sedang dilakukan. Keadaan ini menyebabkan meningkatnya paras kebangkitan.

Kehadiran khalayak juga mempengaruhi tingkah laku individu jika individu tersebut tahu tentang kehadiran mereka untuk menilai prestasi. Jika mereka menyedari kehadiran orang lain untuk menilai prestasi mereka, maka kehadiran ini menyebabkan individu itu menumpukan lebih perhatian kepada khalayak yang hadir.

3) Mempengaruhi Tingkah laku.

Setiap ahli kelompok mempunyai tanggungjawab dalam menjayakan kelompok sosial yang telah mereka jalani. Tingkah laku yang dipamerkan bertujuan untuk mencapai matlamat kelompok yang dipersetujui bersama semasa pembentukan awal kelompok lagi.

Tingkah laku ahli kelompok berbeza kerana secara logiknya manusia itu berbeza-beza diantara satu sama lain. Perbezaan tingkah laku ini bagaimanapun tidaklah menunjukkan bahawa kumpulan orang ramai itu mempunyai pemikiran tersendiri, selain pemikiran seorang anggotanya yang mengawal tindakan mereka.

Ahli kelompok mempunyai rangsangan yang sama iaitu terdapat interaksi yang paling minimum antara ahli kelompok dan reaksi orang lain terhadap apa yang sedang berlaku selalunya mempengaruhi reaksi setiap individu yang menjadi anggota borsorak, ketawa dan perasaan tidak senang hati mudah terjalin melalui kelompok. Individu boleh mempengaruhi tingkah laku orang lain apabila suatu ketika ia bersorak dan orang lain juga turut bersorak.